

Membangun Akhlak Masyarakat Madani Melalui Tafsir al-Quran: Analisis Terhadap Tafsir Surah al-Humazah oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat

Nurzatil Ismah binti Azizan
Fakulti Pengajian Peradaban Islam Universiti Islam Selangor
Tel: 0389117000 (4332). Email: nurzatil@kuis.edu.my

Nazneen binti Ismail
Fakulti Pengajian Peradaban Islam Universiti Islam Selangor

Abstrak

Masyarakat madani merupakan masyarakat yang sopan, beradab dan mempunyai susunan kehidupan yang teratur. Perbincangan berkenaan madani dikaitkan dengan membangun negara Islam dengan memberi penekanan kepada membangun peradaban masyarakat. Sejarah Islam menunjukkan pembangunan negara Madinah (asalnya dikenali sebagai Yathrib) yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW berjaya menghasilkan masyarakat yang mempunyai peradaban yang tinggi. Antara ciri-ciri masyarakat madani yang dibawa oleh Rasulullah SAW ialah memberi penghargaan tanpa mengira latarbelakang individu, mengamalkan keterbukaan, menegakkan hukum dan keadilan serta toleransi. Berdasarkan ciri-ciri masyarakat madani tersebut, kajian ini dilakukan bagi meneliti aspek membangun masyarakat madani melalui membangun akhlak dalam menegakkan hukum Islam. Ulama sejak zaman dahulu sehingga kini terus berusaha memberi faham kepada masyarakat berkenaan amalan dan penghayatan Islam sama ada melalui kuliah pengajaran atau penulisan buku. Antara tokoh ulama yang terlibat ialah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyebarkan dakwah melalui kuliah dan juga penulisan buku-buku keagamaan. Kajian ini meneliti karya Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam membangun akhlak masyarakat madani melalui tafsiran Surah al-Humazah. Kajian dilakukan menggunakan kajian jenis kualitatif dengan reka bentuk kajian pensejarahan. Dokumen dijadikan instrumen kajian serta dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menyentuh berkenaan membangun akhlak masyarakat madani dengan teguran-teguran tegas kepada masyarakat antaranya membezakan perkara yang hak dan batil, melazimi berkongsi rezeki sama ada melalui zakat atau sedekah, menekankan aspek pendidikan serta mengambil ibrah melalui kisah-kisah terdahulu dalam membentuk akhlak masyarakat. Karya Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat ini wajar dijadikan rujukan kuliah-kuliah agama ataupun silibus pengajian kerana ia menyentuh isu-isu semasa ketika membahaskan ayat al-Quran serta mudah difahami.

Kata Kunci: Membangun Akhlak, Masyarakat Madani, Tafsir Al-Quran, Surah Al-Humazah, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pengenalan

Madani merupakan peradaban, negara madani adalah negara yang melakar peradaban yang hebat. Al-Farabi dan Ibn Miskawaih berpendapat bahawa masyarakat madani adalah masyarakat yang memiliki peradaban. Istilah madaniyyah merujuk kepada keadaan kemakmuran yang dicapai atas kerjasama dan keadilan masyarakat. Manakala pemerintah pula senantiasa menjaga keutuhan rakyat, bangsa dan negara (Muh. Anwar, 2006). Profesor Naquib Al-Attas menyatakan kalimah “*Mujtama' Madani*” membawa dua makna iaitu masyarakat kota dan masyarakat yang berperadaban iaitu masyarakat yang menjunjung tinggi nilai-nilai peradaban (Heni, 2023).

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam usaha memberi fokus kepada masyarakat madani telah mengumumkan kerangka dasar baharu negara yang dikenali dengan “Membangun Malaysia Madani”. Membangun Malaysia Madani terdiri daripada enam tonggak dasar iaitu M (kemampuan), A (kesejahteraan), D (Daya cipta), A (hormat), N (keyakinan) dan I (Ihsan). Konsep Madani menekankan aspek pemeraksanaan ekonomi dan budaya, yang berteraskan nilai, etika atau akhlak (bhnews@bh.com.my).

Membangun negara madani perlu seiring dengan memberi pendidikan akhlak kepada masyarakat madani. Pendidikan akhlak bermaksud usaha untuk mengarahkan seseorang agar menjadi manusia yang bertakwa dan berakhlak mulia. Akhlak Islam mempunyai beberapa ciri iaitu *rabbaniyyah*, *insaniyyah*, *syumul* dan *wasatiyyah* (Ibrahim, 2017). Kepentingan akhlak mulia ini dapat dilihat dari sudut hubungannya dengan akidah Islam serta kedudukannya sebagai tujuan perutusan Rasulullah SAW. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*” (HR Ahmad, no 45).

Asas bagi pendidikan akhlak dalam Islam paling utama ialah akidah. Ini kerana kedua-duanya berkait dengan agama itu sendiri. Antaranya hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Tidak akan beriman salah seorang daripada kamu sehinggalah dia mencintai bagi saudaranya apa yang dicintai untuk dirinya sendiri*” (HR Bukhari, no 13) dan “*Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah berbuat baik kepada jirannya, barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamu dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata yang baik atau diam*” (HR Muslim, no 77). Dua dalil ini membuktikan bahawa bagi mereka yang beriman, wajib baginya menzahirkan natijah keimanan mereka melalui akhlak mulia yang diajarkan oleh Rasulullah SAW.

Pendidikan akhlak penting kerana ia merupakan kaedah terbaik untuk menangani masalah jenayah dan salah laku dalam masyarakat. Jenayah perlu dibanterasa kerana negara madani adalah negara yang aman damai. Pendidikan akhlak menjadikan seseorang melazimi kebaikan dan menjauhi salah laku. Selain itu, pendidikan akhlak juga merupakan asas kepada pembinaan individu, keluarga, masyarakat dan negara kerana melaluinya jiwa manusia disucikan sehingga mereka terdorong untuk bersegera melakukan kebaikan dan menghindarkan kemudaratan. Melalui pendidikan akhlak juga, kesatuan umat dapat dipelihara. Ini berlaku kerana mereka diberikan pendedahan berkaitan kewajipan memelihara hak orang lain dan tidak melakukan

penindasan. Justeru, akhlak masyarakat yang terbentuk dengan sempurna melalui pendidikan membolehkan sebuah masyarakat hidup secara harmoni dan bahagia kerana saling berkasih sayang (Miqdad, T.th)

Membangun negara madani perlu dimulai dengan penerapan akidah yang sah dan akhlak yang mulia. Tanpa dua aspek ini sukar untuk mencapai ketamadunan dan peradaban masyarakat Islam. Penerapan akidah dan akhlak sering dilakukan oleh ulama dalam kuliah-kuliah agama di masjid-masjid seluruh Malaysia. Antara tokoh ulama yang berjuang membentuk akhlak masyarakat dengan kuliah agama ialah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Beliau ketika menjelaskan ayat-ayat al-Quran membawakan pelbagai teguran bagi mengembalikan masyarakat Islam kepada penghayatan Islam yang benar.

Latarbelakang Penulisan Kitab dan Biografi Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan seorang ulama hebat di Malaysia yang menyampaikan ilmu melalui kuliah dan penghasilan kitab. Antara karya agung beliau ialah Tafsir al-Quran bagi Surah al-Fil, Surah al-Humazah, Surah al'Asr dan Surah al-Takathur. Penghasilan karya ini merupakan usaha yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Saifuddin Yusof melalui rakaman audio dalam empat siri kuliah yang dilakukan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Rakaman audio kuliah-kuliah pada tahun 2003 yang disalin semula oleh penyelidik dalam bentuk buku untuk memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat dengan menggunakan Bahasa Melayu. Kuliah asal secara audio adalah dengan dialek Kelantan. Susunan Surah di dalam kitab ini adalah mengikut turutan kuliah yang disampaikan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat bukan mengikut susunan surah di dalam al-Quran. Terdapat 12 set kitab dengan 27 surah yang telah dibukukan iaitu (Nik Abdul Aziz, 2021):

1. Tafsir Surah Al Fatihah
2. Tafsir 3 Qul (Surah Al Nas, Al Falaq, Al Ikhlas)
3. Tafsir Surah Al Waqiah
4. Tafsir Surah Al-Fil, Al-Humazah, Al-Asr, Al-Takathur
5. Tafsir Surah Al-Masad, Al-Nasr, Al-Kafirun, Al-Kauthar, Al-Maun, Quraisy
6. Tafsir Surah Yunus
7. Tafsir Surah Hud
8. Tafsir Surah Al Rahman
9. Tafsir Surah Yasin
10. Tafsir Surah Al-Kahfi
11. Tafsir Surah Al-Qariah, Al-'Adiyat, Al-Zalزالah, Al-Bayyinah
12. Tafsir Surah Al-Ghasyiyah, Al-A'laa, Al-Tariq

Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dilahirkan di Kampung Pulau Melaka pada tahun 1931. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat sebelum dihantar

ke salah sebuah pondok kelolaan Tok Kenali di Kubang Kerian. Seterusnya pada usia remaja, beliau menyambung pengajian pondok di bawah pimpinan Tuan Guru Haji Abbas di Terengganu. Beliau juga mendapat kepercayaan untuk menjadi imam solat dan mengajar al-Quran setelah pulang ke kampung halamannya. Pada tahun 1952, Tuan Guru telah melanjutkan pengajian di Universiti Deoband India dan mendapat bimbingan para ulama hadis di sana seperti Maulana Husain Ahmad al-Madani. Pada tahun 1957 pula, Tuan Guru mendalami bidang pengajian tafsir di Lahore, Pakistan. Setelah itu, beliau menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda di Universiti al-Azhar Mesir dalam jurusan Pengajian Bahasa Arab. Setelah tamat, beliau telah menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam Syariah (Perundangan Islam). Pada awal tahun 1962, Tuan Guru telah membuat keputusan untuk pulang ke tanah air selepas berada di luar negara hampir 12 tahun (Shukeri et al, 2020).

Sepulangnya beliau ke Kelantan, beliau telah bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Agama Tarbiyyah Mardiah, Panchor. Kemudian berpindah ke Sekolah Agama Darul Anwar untuk berkhidmat di sana. Pada usia 31 tahun, Tuan Guru telah mendirikan rumahtangga dengan Tuan Sabariah bt. Tuan Ishak. Hasil perkahwinan ini, mereka dikurniakan dengan 10 orang cahaya mata. Tuan Guru juga pernah bertugas sebagai guru di Maahad Muhammadi Kota Bharu pada tahun 1964. Penglibatannya dalam politik bermula pada 1967 apabila memenangi pilihanraya kecil Parlimen Pengkalan Chepa kerana menggantikan calon PAS yang meninggal dunia. Ketokohnya dalam politik lebih terzahir apabila beliau telah dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan setelah memenangi pilihanraya pada 1990. Ini berikutan corak pentadbiran yang diperkenalkannya berbeza dengan kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional sebelum itu (Shukeri et al, 2020).

Di samping kesibukannya dalam mentadbir negeri dan berkecimpung dalam politik, Tuan Guru tetap memperuntukkan masa dalam bidang dakwah melalui kuliahnya di masjid-masjid yang kebanyakannya berkisar tentang tafsir seperti Tafsir Surah Hud yang menumpukan perbincangan berkaitan aspek dakwah dalam Islam (Muhammad Izdihar, 2018). Kuliah tafsir yang diadakan beliau telah bermula sejak tahun 1962 bertempat di kampung halamannya sebelum ke lokasi lain seperti Masjid Muhammadi, Dewan Zulkifli (Bangunan Pejabat PAS Kota Bharu) dan Medan Ilmu. Beliau telah menafsirkan surah al-Nas secara mengundur sehingga khatam pada tahun 2002. Setelah itu, beliau mentafsirkan semula surah al-Nas dan pada peringkat akhir kuliahnya sekitar 2014, beliau memilih ayat-ayat tertentu untuk ditafsirkan (Ahmad Najib & Nor Hazrul, 2021). Tokoh yang dikagumi ramai ini telah meninggal dunia pada 12 Februari 2015 di Pulau Melaka pada usia 84 tahun (Johari et al, t.th).

Membangun Masyarakat Madani Melalui Tafsir Surah al-Humazah.

Surah al-Humazah menjelaskan berkenaan laknat Allah SWT terhadap orang-orang yang mencaci, mengeji dan golongan yang mengumpulkan harta serta menghitung-hitung harta kekayaan. Surah ini membawa makna yang mendalam dalam membentuk akhlak masyarakat khususnya hubungan manusia dengan manusia serta mendidik supaya tidak mengambil harta yang batil. Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam tafsirannya dilihat membawa aspek pendidikan akhlak yang jitu ketika mentafsirkan surah ini seterusnya mendidik masyarakat

dengan akhlak yang mulia. Penekanan terhadap akhlak amat penting dalam mencapai kesejahteraan negara seterusnya membangun masyarakat madani.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum membahaskan surah ini menyatakan bahawa surah ini bertujuan menyusun kehidupan manusia dari aspek kemasyarakatan, ekonomi dan akhlak. Surah ini menyusun semula akhlak dan budaya negatif pada masa kini. Berikut merupakan perincian tafsiran Surah al-Humazah oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat:

1- Membangun Masyarakat Madani Melalui Penerapan Nilai Hak Yang Benar.

Firman Allah SWT:

يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ

Maksudnya: Ia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini)! (Al-Humazah 104:3)

Ayat tersebut menjelaskan bawah golongan yang mengumpulkan harta sering berfikir bagaimana untuk menambah harta, malah termasuk berfikir untuk mengambil harta orang lain. Pelbagai kaedah digunakan sama ada membeli harta tersebut atau menipu untuk mendapatkannya. Allah SWT menyediakan Neraka *Wayl* kepada golongan yang kehidupannya hanya memikirkan duit agar bertambah hartanya sehingga menyangka bahawa dengan harta dapat kekal hidup, kekal berkuasa dan kekal berpengaruh (Nik Abdul Aziz, 2021).

Ayat tersebut menunjukkan bahawa kecintaan kepada harta menjadikan manusia terus-terusan mengumpulkan harta sehingga tidak dapat membezakan perkara yang betul dan salah. Mengambil harta individu lain merupakan kezaliman yang besar. Ia tersasar daripada prinsip kenegaraan yang ditetapkan dalam al-Quran. Al-Quran menyebutkan antara prinsip kenegaraan ialah menunaikan hak dengan beri keadilan aspek ekonomi, politik, sosial dan budaya. Keadilan yang ditekankan dalam Islam ialah keadilan dalam menguruskan harta dengan anjuran zakat dan sedekah agar orang-orang miskin juga menikmati harta (Ahmad Mustaniruddin, 2020). al-Quran melarang mengambil harta orang lain malah menganjurkan supaya berkongsi rezeki melalui zakat dan sedekah.

2- Membangun Masyarakat Madani Melalui Zakat.

Firman Allah SWT:

كَلَّا لَيُنْبَذَنَّ فِي الْحُطَمَةِ

Maksudnya: Tidak! Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam "Al-Hutamah".(Al-Humazah 104:4)

Orang yang mengumpulkan harta menyangka bahawa harta akan menjadikan mereka kekal hidup, kekal berharta, kekal berkuasa dan berpengaruh adalah sangkaan yang salah. Golongan

yang berharta namun sekadar suka menghitung tanpa membayar zakat, melunaskan hutang dan bersedekah akan dimasukkan ke dalam Neraka Hutamah. Neraka Hutamah ialah neraka yang Allah SWT nyalakan api yang tidak hanya membakar kulit malah membakar sampai ke ulu hati kepedihan api tersebut. Api tersebut membakar dan manusia dikurung dalam tempat yang tidak berpintu. Di akhirat kelak Allah SWT menyiksa dengan melemaskan golongan tersebut dengan kurung di dalam neraka kerana mendapatkan harta tanpa mengira halal dan haram, tidak membayar hutang malah mengurangi gaji pekerja (Nik Abdul Aziz, 2021)

Islam melarang umatnya daripada mengambil harta orang lain. Jika harta orang lain diambil wajib dipulangkan semula kepada pemilik asal. Jika pemilik asal tidak ditemui, maka perlu diserahkan kepada warisnya. Jika warisnya juga tidak ditemui, maka harta tersebut wajib disedekahkan (Zaharudin, 2010).

Membentuk Negara Madani perlu kepada menerapkan nilai ihsan dalam diri setiap masyarakat. Ihsan dapat dibangunkan melalui sedekah wajib atau tidak wajib (zakat, cukai, wakaf, takaful), ianya turut dilakukan dengan membangunkan jiwa masyarakat dari aspek kejiwaan agar timbul rasa simpati pada yang miskin. Penekanan penting ialah usaha dalam memperolehi rezeki dan tidak meminta-minta kecuali bagi golongan yang benar-benar memerlukan (Mohamad, 2023).

3- Membangun Masyarakat Madani Melalui Pendidikan.

Firman Allah SWT:

الَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى الْأُفُقِ

Maksudnya: Api Allah yang sengaja dinyalakan dan api ini meresap naik sampai ke ulu hati. (Surah al-Humazah 104: 7)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah SWT membakar manusia sehingga ke hati kerana hati memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia dan hati yang menentukan perbuatan seseorang. Oleh kerana hati manusia yang seharusnya dididik dengan iman, akhlak Islam yang akan memberi kesan kepada perbuatan manusia. Oleh sebab itu Allah SWT menyebutkan kesakitan api neraka tersebut sampai ke ulu hati, Allah SWT tidak tergesa-gesa membakar tangan dan kaki manusia sebaliknya hati manusia kerana hati tersebut yang mendorong mengumpul harta sebanyaknya dan memberi anggapan dengan harta pengaruh tidak akan hilang. Hati yang jahat tersebut ingin dibakar oleh Allah SWT (Nik Abdul Aziz, 2021).

Ilmu merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam membangun masyarakat madani. Menurut al-Farabi, ilmu madani adalah ilmu yang dengannya dapat mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan seterusnya membentuk masyarakat madani (Muh. Anwar, 2006).

Proses pendidikan dalam membentuk masyarakat madani adalah menggunakan konsep ta'dib iaitu proses mendidik yang memberi tumpuan kepada penyempurnaan akhlak dan perubahan perilaku ke arah yang lebih positif. Penekanan konsep ini bertujuan membendung masalah akhlak dalam kalangan remaja. Pembinaan ilmu, kemahiran, sahsiah dan akhlak akan

menyumbang kepada pembentukan karektor masyarakat madani yang mempunyai keperibadian yang mulia (Media baharu, 2023).

3- Membangun Masyarakat Madani Melalui Meneladani Ibrah.

Firman Allah SWT:

فِي عَمَدٍ مُّمَدَّدَةٍ

Maksudnya: (Mereka terikat di situ) pada batang-batang palang yang melintang panjang (Surah al-Humazah 104:9)

Azab yang akan ditimpakan terhadap golongan yang mengambil hak orang lain ialah diikat pada palang yang panjang. Jika manusia diikat pada palang yang pendek, masih boleh berusaha untuk melepaskan diri dengan naikkan pengikat sehingga hujung tiang, tetapi Allah SWT mengikat di palang yang panjang sehingga tiada usaha boleh dilakukan untuk melepaskan diri dan terus tersiksa. Begitu sekali Allah SWT memberitahu kepada manusia agar rasa gerun dalam hati supaya berhati-hati terhadap amalan yang akan membawa ke syurga atau ke neraka (Nik Abdul Aziz, 2021)

Ibrah merupakan aspek pendidikan yang memberi kesan kepada hati manusia. Melalui ibrah manusia akan berpegang pada pengalaman lalu sama ada yang dilalui sendiri atau pengalaman individu lain. Islam memberi pendidikan yang jitu kepada umat Islam melalui ibrah kisah-kisah nabi terdahulu. Antara faedah yang diperolehi melalui kisah al-Quran ialah menerangkan asas dakwah, meneguhkan hati Rasulullah SAW dan umat Islam serta memberi keyakinan akan kemenangan pihak yang benar, mengiktiraf kebenaran Rasulullah SAW dan meletakkan al-Quran pada tempat yang tinggi melalui sastera ayat-ayat al-Quran yang mamukau (Manna' Qattan, 2017). Dengan mengetahui ibarah akan dapat menetapkan iman dengan menjauhi perkara-perkara yang dilarang dalam agama.

Kesimpulan

Membangun negara madani perlu melalui proses membangun akhlak masyarakat. Tuan Guru Nik Abdul Aziz dalam karyanya menyentuh secara dekat proses pendidikan akhlak yang selari dengan keperluan sesebuah negara madani iaitu negara yang mempunyai tamadun dan peradaban yang tinggi. Antara pendidikan akhlak dalam membangun masyarakat madani dalam Surah Humazah ialah melalui penerapan nilai hak yang benar, anjuran mengeluarkan zakat, pendidikan dan juga meneladani ibrah kisah-kisah umat terdahulu. Penerapan nilai hak yang benar merupakan aspek penting agar masyarakat tidak menindas, mempunyai simpati yang tinggi serta tidak mengambil hak orang lain seperti rasuah dan mencuri. Pengeluaran zakat pula penting dalam membangunkan negara madani agar kekayaan dapat dimanfaatkan oleh golongan yang tidak mampu serta kecintaan kepada harta tidak keterlaluan, ianya juga membersihkan harta dan hati kepada cintakan dunia. Pendidikan pula aspek utama yang penting dalam membangun masyarakat dan negara madani agar ilmu dapat memandu manusia menjadi manusia yang waras dan berakhlak, pendidikan juga memberi nilai tambah dalam diri

seseorang serta mengangkat darjat kepada yang lebih tinggi. Kisah-kisah kehancuran umat-umat terdahulu wajar dijadikan panduan sebagai ibrah yang besar dalam membentuk masyarakat madani yang berakhlak mulia. Kitab tafsir ini wajar dibaca dan dipelajari bagi mengambil setiap sisi pendidikan akhlak yang dibawa oleh pengarang.

Rujukan

- Ahmad Mustaniruddin, Hery Afriyadi & Jamilah (2020). Indikator Terciptanya Masyarakat Madani Perspektif Al-Qur'an. *Jurnal Tajdid* Vol. 19, No. 2, Juli - Desember 2020, 164-187.
- Ahmad Najib Abdullah dan Nor Hazrul Mohd Salleh. (2021). Keunikan Tafsir Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. *Al-Basirah*, 11(1), 33-46.
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/30673/13121>
- Heni Saidah , Ahmad Tsaaiqib (2023). Kontekstualisasi Konsep Masyarakat Madani Terhadap Wacana Society 5.0, Prosiding Konferensi Integrasi Interkoneksi Islam Dan Sains.
- Ibrahim Bafadhol. (2017). Pendidikan akhlak menurut perspektif Islam. *Jurnal Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam* 6 (12), 45-61.
- Johari Mat, Nurliyana Ahmed dan Ahmad Fathi Yusoff. (t.th). Biografi Ringkas/ A Short Biography Of Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat.
<http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/1622/1/BIOGRAFI%20RINGKAS%20TOK%20GURU.pdf>
- Manna' Qattan (t.t). *Mabahith Fi Ulum al-Quran*. Maktabah Wahbah: Kaherah.
- Miqdad Yaljan. (T.th). *Al-Tarbiyyah al-Akhlaqiyyah al-Islamiyyah*. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Muhammad Izdihar Abdullah. (2018). Konsep dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam pembinaan keIslaman rakyat negeri Kelantan. *Al-Idarah Jurnal Manajemen dan Administrasi Islam* 2(1), 119-136. 10.22373/al-idarah.v2i1.3395
- Muh. Anwar H.M. (2006). Agama Dan Budaya Masyarakat Madani. *Jurnal Hunafa* Vol. 3 No. 4, 343-350.
- Mohamad Abdul Hamid. (2023). Lima langkah gerakkan Naratif Ekonomi MADANI.
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2023/07/1125099/lima-langkah-gerakkan-naratif-ekonomi-madani>
- Media Baharu, <https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/laporan-khas/55844-konsep-tadib-wahana-kepada-tranformasi-sistem-pendidikan-negara>
- Nik Abdul Aziz Nik Mat (2021). *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Al-Fil, Surah Al-Humazah, Surah Al-'Asr, Surah Al-Takathur*. Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani

Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Ahmad Najib Abdullah dan Nor Hazrul Mohd Salleh. (2020). Sumbangan Tuan Guru Nik Abdul Aziz kepada Pembangunan Pentadbiran Islam di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan. *Al-Basirah*, 10(2), 57-76.

[https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/27908/12581\(bhnews@bh.com.my\)](https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/27908/12581(bhnews@bh.com.my)), 19 Januari 2023.